

Keunikan Parlimen penggal ke-15

BF - 20/12/2022 m/s: 3

Kedudukan Anwar dari kerusi Ketua Pembangkang ke Perdana Menteri lakar sejarah

Kuala Lumpur: Mesyuarat pertama sidang Dewan Rakyat pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) melakar sejarah tersendiri apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi satu-satunya Ahli Parlimen yang kedudukannya beralih secara langsung dari kerusi Ketua Pembangkang ke Perdana Menteri.

Jika sebelum PRU15, Anwar mengetuai blok pembangkang di

Dewan Rakyat, Ahli Parlimen Tambun itu kini mengisi kerusi yang dikhaskan untuk Ketua Majlis selepas dilantik sebagai Perdana Menteri yang memimpin Kerajaan Perpaduan pada 24 November lalu.

Perubahan kedudukan Ahli Parlimen itu menyaksikan blok parti utama seperti Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang sebelum ini bersejajir kini buat pertama kali berada sebaris dalam satu blok.

Penggal Parlimen ke-15 juga menyaksikan barisan Kerajaan Perpaduan agak unik apabila wakil rakyat parti yang sebelum ini 'bersejajir' seperti Barisan Nasional dan PH dapat duduk sebaris sebagai penyokong Kerajaan Perpaduan.

Duduk di sebelah Anwar ialah Timbalan Perdana Menteri me-

rangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi diikuti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (GPS-Petra Jaya) dan Anthony Loke (PH-Seremban) yang juga Menteri Pengangkutan.

Tempat duduk lama Anwar di blok pembangkang kini diambil alih Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) yang juga Setiausaha Agung BERSATU.

Jawatan penting

Ketua Pembangkang disifatkan sebagai jawatan penting dalam Dewan Rakyat kerana lazimnya individu yang menerajui blok terbabit akan diberi kelebihan untuk berbahas terlebih dahulu jika ada sesi perbahasan.

Hamzah sebelum ini berada di blok kerajaan sebagai Menteri Dalam Negeri ketika era pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin dan

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Berdasarkan susunan terbaru di Dewan Rakyat, kedudukan Muhyiddin selaku bekas Perdana Menteri kini di sebelah Hamzah diikuti Tan Sri Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) dan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PAS-Kubang Kerian).

Kedudukan Ismail Sabri pula yang masih kekal di blok kerajaan, kini diapit oleh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) dan Lim Guan Eng (PH-Bagan) di Blok D, namun masih di barisan hadapan.

Datuk Seri Hishammuddin Hussein (BN-Sembrong) pula duduk di antara Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) dan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam).

Mesyuarat pertama kali ini juga menyaksikan bekas pemimpin UMNO, Datuk Seri Shahidan

Kassim (PN-Arau) duduk di blok pembangkang bersebelahan Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota).

PRU15 menyaksikan tiada mana-mana parti memperoleh majoriti bagi membentuk kerajaan sebelum PH bersama dengan BN, GPS, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Warisan (WARISAN) bekerjasama untuk membentuk Kerajaan Perpaduan selepas diperkenankan Yang di-Pertuan Agong.

Perubahan kerajaan juga menyaksikan perubahan tempat duduk dalam kalangan Ahli Parlimen khususnya selepas pembentukan Kerajaan Perpaduan.

Turut berada di blok pembangkang adalah bekas pemimpin UMNO, Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau) yang duduk bersebelahan dengan Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota).